



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 06/2018

Rujukan : Bil (18) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

26 April 2018

Setiausaha Bandaraya
Pengarah-Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Pembantu Tadbir (Kanan)
Majlis Bandaraya Ipoh

**TATACARA PENGGUNAAN PERUNTUKAN DARI AKAUN-AKAUN AMANAH
MAJLIS BANDARAYA IPOH**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan, Pihak Majlis telah meluluskan kertas kerja Bil. 413/03/14 berkaitan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Peringkat Majlis Bandaraya Ipoh melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Tujuan-Tujuan Am Bil.286/03/14 pada 25 April 2014. Garis Panduan ini diwujudkan agar pemantauan dan pengurusan akaun-akaun amanah yang ditubuhkan mencapai objektif penubuhannya dan prosedur terimaan dan pembayaran dipatuhi selari dengan Arahan/Pekeliling/Surat Perbendaharaan berkaitan serta Seksyen 9 & 10, Akta Tatacara Kewangan, 1957.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perbendaharaan selaku Urusetia bagi Akaun-Akaun Amanah Majlis, ingin menjelaskan beberapa perkara yang terkandung di dalam Garis Panduan berkenaan untuk urusan Perolehan dan Pembayaran yang melibatkan akaun-akaun amanah Majlis supaya proses tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar. Perkara tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Bayaran yang dibuat dari Akaun Amanah hanya untuk projek / perbelanjaan yang dibenarkan oleh Arahan Akaun Amanah.
- ii. Kelulusan berbelanja perlu diperolehi dari Jawatankuasa Pemegang-Pemegang Amanah sebelum mana-mana perbelanjaan dibuat **kecuali bagi peruntukan amanah yang diterima khusus untuk sesuatu projek / program, perbelanjaan boleh diteruskan.**

ARAHAN KEWANGAN BIL. 06/2018

- iii. Sekiranya terdapat keperluan mendesak atau peruntukan tidak mencukupi, kelulusan dasar dari Pegawai Pengawal perlu diperolehi dan disahkan semula apabila Jawatankuasa bersidang.
 - iv. Prosedur Perolehan & Pembayaran adalah tertakluk kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan Arahan Akaun Amanah yang ditetapkan.
 - v. Semua permohonan perbelanjaan perlu dibuat melalui Unit Amanah, selaku urusetia bagi Akaun-Akaun amanah Majlis.
 - vi. Permohonan perbelanjaan adalah tertakluk kepada Baki Akaun Amanah dan tidak boleh menyebabkan baki akaun terlebih dikeluarkan.
4. Laporan Akaun Amanah akan dikemukakan setiap bulan mulai 15 Mei 2018 sebagai rujukan pihak Jabatan yang terlibat supaya dapat membuat perancangan dengan baki peruntukan berkenaan.
5. Adalah diharapkan dengan makluman di atas dapat membantu pihak tuan / puan dalam melaksanakan perolehan dan pembayaran yang melibatkan akaun-akaun Amanah Majlis dengan betul serta bagi mengelakan teguran audit pada masa hadapan.
6. Kerjasama, perhatian dan tindakan dari semua yang terlibat bagi perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU”

Saya yang menurut perintah.


(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh

“LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI”